

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :**

- a) apakah status terkini projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang; dan
- b) siapakah perunding reka bentuk Terowong Dasar Laut Pulau Pinang yang telah dilantik dan bilakah reka bentuk ini akan dipamerkan kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang adalah projek infrastruktur jalan raya yang bertujuan menghubungkan George Town dengan Seberang Perai. Projek ini dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sepenuhnya untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.
2. Berdasarkan makluman dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kajian kebolehlaksanaan (*feasibility studies*) projek tersebut masih belum dilengkapkan atas sebab-sebab tertentu termasuk perancangan projek pembesaran pelabuhan di Butterworth.
3. Untuk makluman, sebarang projek pembinaan struktur terowong bagi laluan kenderaan sama ada di atas daratan atau di bawah dasar laut, dan pembinaan infrastruktur seperti jambatan dan lebuhraya serta jalan raya seumpamanya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya (KKR).

Sekian, terima kasih.